

## **ANALISIS TERHADAP KONSEP PENERIMAAN DAN PENGESAHAN E-KITABAH SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN MENURUT PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA**

### **ANALYSIS OF THE CONCEPT OF ACCEPTANCE AND VERIFICATION OF E-KITABAH AS A METHOD OF PROOF ACCORDING TO ISLAMIC LEGISLATION IN MALAYSIA**

<sup>i,ii</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>i,ii</sup>Lukman Abdul Mutalib, <sup>i,ii</sup>Zulfaqar Mamat, <sup>i,ii</sup>Hasnizam Hashim, <sup>i,ii,iii,iv</sup>Ahmad Syukran Baharuddin, <sup>i</sup>Baidar Mohammed Mohammed Hasan & <sup>i,ii</sup>Mohamad Aniq Aiman Alias

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>ii</sup>Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>iii</sup>International Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

<sup>iv</sup>Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

\*(Corresponding Author) e-mail: [wafattah@usim.edu.my](mailto:wafattah@usim.edu.my)

#### **Article history:**

Submission date: 15 June 2024

Received in revised form: 30 June 2024

Acceptance date: 3 July 2024

Available online: 5 July 2024

#### **Keywords:**

Document, E-Kitabah, evidence, Islamic legislation, Syariah Court, dokumen, E-Kitabah, keterangan, perundangan Islam, Mahkamah Syariah

#### **Funding:**

The research work was funded by the USIM research grant titled "Model E-Kitabah (Modernisasi Pendokumentasian Elektronik sebagai Keterangan) dalam Pembuktian ke Arah Penyelesaian Kes-Kes Jenayah Syarie di Malaysia", grant code: PPPI/USIM/FSU/USIM/112823.

#### **Competing interest:**

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### **Cite as:**

Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Hashim, H., Baharuddin, A. S., Mohammed Hasan, B. M., & Alias, M. A. A. (2024). Analisis terhadap konsep penerimaan dan pengesahan E-Kitabah sebagai kaedah pembuktian menurut perundangan Islam di Malaysia.

*LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 1(1), 1-12.  
<https://doi.org/10.33102/3rh8f970>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my).

## **ABSTRACT**

If *al-kitabah* or documents were seen as less prevalent in the past, then nowadays, they have been widely used to cover all aspects of human life. This is because, along with the development of science and technology, various new forms of *al-kitabah* have appeared, such as cameras, CCTV, smartphones, and others that can be used as evidence in Court. This electronic document is known as '*E-Kitabah*'. This study, therefore, was conducted to clarify the concept of *E-Kitabah* as evidence according to the perspective of fiqh and Shariah law, analyze the Islamic legal provisions for accepting *E-Kitabah* as evidence, and verify methods to ensure the authenticity of *E-Kitabah*. At the end of the discussion, the researchers discussed the issues, challenges and suggestions for improvement regarding the acceptance of *E-Kitabah* in the Malaysian Syariah Court. To achieve the study's objectives, the researchers used a qualitative approach, employing document analysis and library research methods. The collected data will be analyzed using content analysis and presented as subthemes. The study results show that *E-Kitabah* is one of the most popular methods of proof nowadays in the courts of justice. Although the form of evidence can be accepted as evidence in the Syariah Court, there is still no specific provision related to the procedure for accepting *E-Kitabah* in the Malaysian Syariah Court. In addition, Syariah law practitioners are still not used to handling this kind of evidence, and some reject evidence in the form of *E-Kitabah*. Therefore, researchers suggest re-examining the provisions related to accepting *E-Kitabah* as evidence under the Islamic Evidence Law and holding training and courses for Shariah law practitioners to improve their understanding of electronic evidence.

## ABSTRAK

Jika dahulunya *al-kitabah* atau dokumen dilihat kurang popular pada suatu ketika dahulu, namun kini, *al-kitabah* telah digunakan secara meluas merangkumi semua aspek kehidupan. Ini kerana, seiring dengan perkembangan sains dan teknologi, kepelbagaiannya bentuk *al-kitabah* yang baru telah muncul seperti kamera, CCTV, telefon pintar dan sebagainya yang boleh dijadikan sebagai bahan bukti di Mahkamah. Dokumen berbentuk elektronik ini dikenali sebagai '*E-Kitabah*'. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memperjelaskan berkaitan konsep *E-Kitabah* sebagai keterangan menurut perspektif fiqh dan perundangan Syariah Malaysia, menganalisis dalil pensyariatan penerimaan *E-Kitabah* sebagai keterangan, dan kaedah pengesahan bagi memastikan keaslian *E-Kitabah*. Di akhir perbincangan, penyelidik akan membincangkan mengenai isu, cabaran dan cadangan penambahbaikan terhadap penerimaan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kepustakaan. Data-data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan analisis kandungan dan dipersembahkan dalam bentuk subtema. Hasil kajian menunjukkan, *E-Kitabah* dilihat sebagai salah satu kaedah pembuktian yang popular pada masa kini di mahkamah keadilan. Walaupun bentuk keterangan tersebut boleh diterima sebagai keterangan di Mahkamah Syariah, namun masih tiada peruntukan khusus berkaitan prosedur penerimaan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia. Selain itu, pengamal undang-undang Syariah juga masih belum terbiasa dalam mengendalikan keterangan sebegini dan ada sesetengah daripadanya menolak pembuktian secara *E-Kitabah*. Oleh itu, penyelidik mencadangkan untuk meneliti semula peruntukan berkaitan penerimaan *E-Kitabah* sebagai keterangan di bawah Undang-Undang Keterangan Islam dan mengadakan latihan dan kursus bagi pengamal undang-undang Syariah untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai bukti secara elektronik.

**Kata Kunci:** Dokumen, *E-Kitabah*, keterangan, perundangan Islam, Mahkamah Syariah

### Pengenalan

Dalam sistem perundangan Islam, pembuktian memainkan peranan penting bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan (Zulkefly et al., 2021). Pembuktian adalah proses di mana pihak yang menuntut perlu mengemukakan bukti-bukti yang sahih dan relevan bagi menyokong tuntutan mereka (Wan Ismail, 2020). Proses ini tidak hanya memerlukan bukti yang kukuh tetapi juga mematuhi prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh syarak. Bukti yang dikemukakan adalah seperti kesaksian, *iqrar*, sumpah, dokumen, dan pelbagai bentuk keterangan lain yang diiktiraf oleh perundangan Islam (Saifuddin et al., 2019). Oleh itu, pembuktian bukan sahaja bertujuan untuk menyokong tuntutan tetapi juga untuk memastikan keputusan yang dibuat oleh hakim adalah berdasarkan kebenaran yang jelas dan sah.

Kehakiman pula merupakan satu badan perundangan yang sangat penting dalam mana-mana kerajaan di dunia ini (Wan Ismail et al., 2023). Matlamat sesebuah kerajaan untuk menegakkan keadilan kepada rakyatnya adalah mustahil untuk direalisasikan sekiranya ketiadaan sistem kehakiman yang tersusun dan sistematik. Ini kerana, badan kehakiman memainkan peranan penting adalah untuk menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di antara pihak-pihak berdasarkan perundangan Islam dengan mematuhi prosedur-prosedur tertentu (Ahmad, 2001). Disebabkan darjah dan kedudukan yang begitu tinggi, seseorang hakim tidak seharusnya membuat penghakiman tanpa merujuk kepada rujukan utama iaitu Al-Quran dan hadis. Berdasarkan kedua-dua sumber utama itulah terbentuknya prosedur-prosedur bagi memastikan kelancaran proses penghakiman.

Selain itu, seseorang hakim tidak akan menerima sebarang tuntutan, tanpa terlebih dahulu pihak yang menuntut (plaintif) mengemukakan bukti-bukti dan mematuhi kesemua prosedur yang telah ditetapkan oleh perundangan. Dengan kata lain, bukti kukuh yang dikemukakan oleh pihak-pihak merupakan asas bagi hakim dalam membuat keputusan. Menurut al-Nasyar (2000), pembuktian atau *al-ithbat* boleh ditakrifkan sebagai mengemukakan dalil atau hujah (keterangan) di hadapan hakim dalam majlis penghakiman menurut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak berkaitan dengan tuntutan sesuatu hak atau kejadian yang memberikan kesan terhadap perundangan. Perkataan dalil atau hujah yang dimaksudkan dalam definisi sebelum ini adalah merujuk kepada keterangan atau '*bayinah*'. Manakala maksud bagi istilah *bayinah* pula telah berlaku perselisihan di kalangan ulama memfokuskan bayinah

hanya kepada kesaksian, *iqrar* dan sumpah. Namun ulama terkemudiannya telah memberi definisi yang lebih luas dan mencangkap kesemua kaerah pembuktian yang dapat membantu Mahkamah membuat keputusan yang adil. Antaranya Ibn Qayyim (2007) telah menyatakan keterangan atau *bayinah*: (بِيَهْرٍ) *الْحَقُّ بَيْنَ لَمَا اسْمَ* Satu istilah untuk menjelaskan sesuatu kebenaran dan menzahirkan (*melalui kaerah-kaerah pembuktian yang dikemukakan*).

Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] menyatakan bahawa, *bayinah* merujuk kepada tindakan membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah qarinah. Bentuk-bentuk keterangan dalam pembuktian diambil dari nas-nas syarak, ijtihad para sahabat ra dan ulama yang disokong oleh nas-nas syarak. Bentuk-bentuk keterangan atau dengan kata lain kaerah-kaerah pembuktian terdiri dari *iqrar*, kesaksian, sumpah, pendapat pakar, *qarinah*, *qasamah*, *qur'ah*, *qiafah*, *muayanah* dan juga dokumen atau dipanggil juga sebagai '*Kitabah*'. Kesemua kaerah-kaerah ini sememangnya telah diiktiraf sebagai kaerah pembuktian berdasarkan nas-nas syarak dalam membantu hakim membuat keputusan saksama. Walaupun begitu hanya *iqrar*, kesaksian dan sumpah merupakan kaerah pembuktian yang disepakati oleh ulama, manakala kaerah-kaerah lain adakalanya diterima dan kadang kalanya adalah sebaliknya. Di antara kaerah-kaerah tersebut, yang paling banyak digunakan oleh mahkamah hari ini adalah *kitabah* atau dokumentar.

Oleh itu, dalam artikel ini, penyelidik akan memberi fokus terhadap perbincangan mengenai konsep *E-Kitabah* sebagai keterangan menurut perspektif fiqh dan perundangan Syariah Malaysia, dalil pensyariatan penerimaan *E-kitabah* sebagai keterangan, dan kaerah pengesahan keaslian *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia. Di akhir perbincangan, penyelidik akan membincangkan mengenai isu, cabaran dan cadangan penambahbaikan terhadap penerimaan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia.

### **Konsep *E-Kitabah* sebagai Keterangan menurut Perspektif Fiqh dan Perundangan Syariah Malaysia**

Dokumen atau *kitabah* bukanlah satu kaerah pembuktian yang popular pada suatu ketika dahulu. Hal ini kerana, ia kerap dibayangi oleh kekuatan *iqrar*, syahadah dan sumpah dalam semua kes, sebaliknya *kitabah* hanya diguna pakai dalam kes-kes tertentu dan ruang lingkup yang begitu sempit iaitu wasiat dan hutang (Wan Ismail et al., 2021a). Keadaan ini berlaku adalah berdasarkan kepada zahir nas pada ayat 282 dalam surah al-Baqarah. Pentafsiran yang sempit ini menyebabkan *kitabah* berada di posisi yang tidak sepatutnya sehingga perbincangan *kitabah* dalam kitab-kitab fiqh terdahulu hanya menumpang kasih dalam kaerah-kaerah yang lain seperti kesaksian dan seumpamanya. Walaupun begitu, situasi tersebut kini berubah kerana pembuktian tersebut kini menjadi salah satu kaerah pembuktian yang paling kerap digunakan di mahkamah (Alias, 2024). Bukan itu sahaja, *kitabah* telah mengambil kedudukan syahadah, *iqrar* dan sumpah dalam banyak urusan sama ada ia melibatkan kes-kes mal atau jenayah (Wan Ismail et al., 2021b; Wan Ismail et al., 2020).

Dalam kitab-kitab Arab, terdapat beberapa istilah lain bagi kitabah atau dokumen di antaranya *Sak*, *Mihdar*, *Wathiqah*, *kitab al-Qadi*, *Asnad*, *Muharrar* dan *Mustandat*. Namun kesemua istilah-istilah ini memberi maksud yang hampir sama. *Kitabah* dalam bahasa Arab ialah yang merujuk kepada tulisan atau khat. Terdapat juga dalam kalangan ulama menyatakan dokumen ialah tulisan yang merupakan salinan ucapan lisan daripada seseorang dengan menggunakan huruf tertentu (Al-Qurrafiy, 2001; Ibn Qayyim, 2007; al-Dhimiyati, 1993; al-Jurjaniyy, 2000; & al-Farahaidiy, t.th). *Kitabah* menurut bahasa turut mempengaruhi definisinya menurut istilah. Ini kerana ulama' terdahulu masih lagi mengaitkan tulisan yang bersifat fizikal dengan pen dan kertas sebagai asas definisi mereka. Misalnya Ibn Abidin (1995) menyifatkan *kitabah* adalah catatan di atas lembaran, tanah dan dinding, serta dapat difahami sekiranya dibaca. Maka sudah tiba masanya untuk kita melihat *kitabah* dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu kepada fungsi dokumen itu dan bukan hanya dilihat kepada bentuk dokumen dan alat yang digunakan. Ini kerana apa yang paling penting adalah maklumat yang hendak disampaikan jelas dan ia dapat difahami. Ini kerana teknologi moden seperti komputer, telefon bimbit, perakam suara, kamera litar tertutup (CCTV), kemudahan internet, peralatan elektronik dan teknologi lain juga dapat memainkan peranan seperti mana pen dan kertas (Alias et al., 2021; Wan Ismail et al., 2018).

Berdasarkan realiti semasa, maka lebih sesuai dikatakan *kitabah* sebagai “menjelaskan atau menyifatkan sesuatu dengan menggunakan tulisan atau lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada ia berbentuk klasik seperti menggunakan kertas, kayu dan seumpamanya atau berbentuk teknologi moden seperti komputer, telefon bimbit, perakam suara, video, kemudahan internet dan peralatan- peralatan elektronik dan lain-lain lagi” (Wan Ismail, 2020). Definisi ini seiring dengan Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] iaitu:

**Seksyen 3.**

“dokumen” ertiaya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan-

- (a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;
- (b) apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);
- (c) apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenut elektronik, atau apa jua pun data yang lain;
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c),

atau dengan lebih daripada satu cara yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara sekalipun menggambarkan.

Di bawah seksyen ini, *kitabah* memberi maksud yang lebih luas dan tidak terikat dengan tulisan tangan semata-mata, bahkan mana-mana dokumen sekalipun berbentuk elektronik turut boleh diterima sebagai kaedah pembuktian. Dokumen berbentuk elektronik dikenali sebagai ‘E-Kitabah’. Dalam Seksyen 15 Akta Tandatangan Elektronik Mesir 2004, menyatakan *E-Kitabah* merupakan: “*nota atau dokumen yang dibuat, disimpan atau diekstrak, disalin atau dihantar atau diterima atau di komunikasi dengan cara elektronik melalui peralatan elektronik lain dan dapat difahami dan dilihat dengan jelas*”. Dokumen elektronik juga ditakrifkan sebagai semua huruf, nombor, simbol atau apa-apa tanda digambarkan di paparan elektronik, digital atau cara lain yang seumpamanya yang memberi isyarat jelas serta dapat difahami”. Maka *E-Kitabah* dapat dikatakan sebagai: “*sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan, direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik di mana bahan tersebut boleh dikemukakan di Mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan. Sumber bahan bukti elektronik dan digital ialah seperti chip VLSI, SDD, hard disk, telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad SDD, alat pengimbas, CD, DVD, VCD, rangkaian Internet, perisian dan protokol komunikasi*” (Ismail, 2006).

Tidak dinafikan, terdapat peruntukan mengenai penerimaan dan pemakaian *E-Kitabah* seperti mana dalam Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. Namun begitu pemakaiannya di Mahkamah Syariah masih lagi belum tersusun. Barangkali suasana ini berlaku di Mahkamah Syariah disebabkan pengalaman dan kes-kes berkaitan elektronik tidak begitu banyak. Namun pemakaian *E-Kitabah* di Mahkamah Sivil lebih terkedepan dapat dilihat dalam kes *R lwn Maqsud Ali* [1965] 2 All ER 465. Mahkamah Rayuan dalam kes ini berpandangan tiada perbezaan antara rakaman melalui gambar atau suara untuk dijadikan bahan bukti. Begitu juga dalam kes *Pendakwa Raya lwn Jawan Empaling* [1996] 2 CLJ dan *Pendakwa Raya lwn Datuk Haji Sahar Arpan* [2007] 1 AMR, Mahkamah berpendapat salinan faks dan mikrofilem termasuk dalam definisi dokumen seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. Dalam kes *Mohd Ali Jaafar lwn Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ, Mahkamah telah mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh melalui pita rakaman. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggunakan pita rakaman perbualan tertuduh sebagai bukti bagi mensabitkan

dakwaan. Setelah penelitian terhadap pengesahan kesahihan pita rakaman tersebut dibuat, Mahkamah telah menerima pita rakaman tersebut sebagai bahan bukti bagi mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh kerana pita rakaman suara juga merupakan salah satu bentuk dokumen (Jal Zabidi, 2008).

Kes-kes ini menunjukkan bahawa pemakaian *E-Kitabah* di Mahkamah Sivil telah diguna pakai secara luas sebagai kaedah pembuktian. Paul (2010) menyatakan bahawa, pita rakaman boleh dijadikan bahan bukti di Mahkamah sekiranya telah melalui prosedur berikut, iaitu pemeriksaan terperinci yang menunjukkan pita tersebut tidak diubah daripada yang asal, alat rakaman yang digunakan masih dalam keadaan baik dan masih boleh digunakan dengan sempurna. Selain itu, pihak yang mengemukakan pita rakaman tersebut hendaklah mengulangi rakaman tersebut bagi mengenal pasti pihak yang terlibat dalam rakaman tersebut, menyalin rakaman tersebut untuk dikemukakan kepada Mahkamah dan lain-lain lagi (Paul, 2010). Walaupun begitu, Mahkamah Syariah tidak pernah menolak atau menyekat penggunaan *E-Kitabah* dalam pembuktian. Hal ini kerana, peruntukan sedia ada tidak pernah menghalang pemakaian dokumen elektronik. Sungguhpun begitu, perkara yang perlu diberi perhatian adalah berkaitan dengan solusi yang perlu digunakan untuk memastikan dokumen elektronik mendapat tempat sepatutnya dalam pembuktian.

### **Dalil Pensyariatan Penerimaan *E-Kitabah* sebagai Keterangan**

Secara umumnya, matlamat sesuatu dokumen atau *kitabah* adalah sama sahaja, sama ada ia berbentuk biasa atau elektronik iaitu ia dirujuki ketika diperlukan khususnya sebagai pembuktian. Begitu juga dari segi status kekuatan pembuktian dokumen elektronik yang sebenarnya adalah sama dengan dokumen biasa. Cuma yang membeza di antara kedua-duanya adalah cara, bahan dan peralatan yang digunakan. Begitu juga dengan dalil pensyariatan dokumen merangkumi dokumen secara biasa ataupun elektronik. Walaupun begitu para ulama berselisih mengenai penerimaan *kitabah* sebagai kaedah pembuktian. Namun setelah analisa dan penelitian dibuat, jelas menunjukkan bahawa pandangan yang menerima *kitabah* sebagai kaedah pembuktian adalah lebih kukuh kerana ia disokong oleh nas-nas syarie. Di antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud:

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberikan tempoh sehingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu yang menulisnya dengan adil (benar).

(Surah Al-Baqarah, 2:282)

Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud:

Terjemahan: Tidak ada hak seorang Muslim yang mempunyai suatu barang yang diwasiatkan, yang bermalam dua malam, kecuali wasiatnya itu ditulis (disaksikan) di sisinya.

(Al- Bukhari, 1422).

Kaedah fiqh ada menyebut (كالخطاب الكتاب) iaitu kedudukan keterangan melalui *kitabah* adalah sama dengan keterangan secara lisan. Ini kerana keterangan secara lafadz berfungsi menzhahirkan niat di hati dan ia juga boleh dicapai melalui *kitabah*. Pepatah Arab ada menyebut, *kitabah* merupakan salah satu dari dua lidah manusia. Maka yang demikian tiada sebab untuk menolak *kitabah* sebagai hujah dalam pembuktian. (al-Zarqa', 2007; Ibn Abidin, 1995; Al-Bahutiyy, 2000; Ibn Qayyim, 1991). Dalil-dalil ini sudah cukup kuat untuk membuktikan *kitabah* berbentuk biasa atau elektronik boleh digunakan sebagai hujah dalam keterangan. Lebih-lebih lagi jika dokumen yang tersimpan rapi dan jauh dari pemalsuan serta penipuan. Selain itu juga penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian tidak hanya terhad kepada kes-kes berkaitan dengan harta sahaja, bahkan ia juga boleh dijadikan kaedah pembuktian bagi kes-kes berkaitan dengan jenayah.

### **Kaedah Pengesahan Keaslian *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia**

Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, penerimaan *E-Kitabah* perlu melalui saringan yang amat ketat lebih-lebih lagi *E-Kitabah* yang berstatus persendirian. Kaedah yang boleh digunakan oleh pihak mahkamah untuk memastikan keaslian sesuatu dokumen melalui beberapa kaedah pembuktian iaitu

melalui ikrar, kesaksian, pendapat pakar dan juga sumpah (Alias, 2022; Wan Ismail, 2020). Kesemua kaedah-kaedah ini sebenarnya telah pun diperuntukkan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. Dari segi kaedah-kaedah pembuktian khususnya bagi membuat pengesahan keaslian sesuatu *kitabah*, di Mahkamah Sivil juga mempunyai peruntukan yang sama melainkan sumpah dan keengganan bersumpah seperti mana dalam Jadual 1. Walau bagaimanapun, timbul persoalan terhadap sejauh manakah peruntukan sedia ada mampu untuk menangani isu pengesahan keaslian *E-Kitabah*?

**Jadual 1:** Kaedah Pengesahan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil Malaysia

No.	Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]	Akta Keterangan 1950 [Akta 56]
1.	<i>Iqrar</i> (Seksyen 17 hingga 19)	Pengakuan dan Pengakuan Salah (Seksyen 17 hingga 31)
2.	Saksi (Seksyen 83 hingga 88)	Kesaksian (Seksyen 118 hingga 134)
3.	Pendapat Pakar (Seksyen 33 hingga 39)	Pendapat Pakar (Seksyen 45 hingga 51)
4.	Sumbah (Seksyen 72, 87, 88 dan 129)	-
5.	Keengganan bersumpah dan sumpah yang dikembalikan (Seksyen 87)	-

*Iqrar* merupakan salah satu kaedah utama dalam membuat pengesahan terhadap keaslian sesuatu *E-Kitabah*, bahkan ia juga dikenali sebagai '*Penghulu Kaedah Pembuktian*'. *Iqrar* adalah salah satu cara pengakuan atau pengiktirafan yang khusus bagi mensabitkan hak atau kepentingan orang lain ke atas dirinya sendiri, atau mensabitkan sesuatu kesalahan atau tanggungan ke atas dirinya seperti pengakuan berzina dan seumpamanya (Saedon, 2003). Kaedah ini berlaku apabila pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan *E-Kitabah* ini membuat pengakuan seperti membuat tuduhan liar tanpa bukti atau menyebarkan fitnah melalui peranti elektronik dan sebagainya. Penerimaan *iqrar* sebagai kaedah pembuktian dalam membuat pengesahan keaslian sesuatu *E-Kitabah* berdasarkan nas-nas syarak di antaranya dalam sebuah hadith yang bermaksud:

Sesungguhnya seorang lelaki datang kepada rasulullah dan membuat pengakuan bahawa beliau telah melakukan zina dan menamakan perempuan yang telah menjadi pasangannya. Maka Rasulullah S.A.W telah menghantar utusan untuk bertanya kepada perempuan yang dimaksudkan, namun perempuan tersebut telah menafikannya. Maka hukum sebat hanya dikenakan keatas lelaki dan Rasulullah S.A.W meninggalkan perempuan tersebut. Manakala Seksyen 17 (1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]:

**Seksyen 17 (1).**

*Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

Dalam Seksyen 18 Akta yang sama, *iqrar* kemungkinan berlaku di dalam Mahkamah yang perlu dilaksanakan di hadapan hakim. Jika *iqrar* di buat di luar Mahkamah maka ia hendaklah dilakukan di hadapan dua orang saksi lelaki yang cukup syarat iaitu berakal, baligh dan adil. Selain itu *iqrar* hanya diterima setelah memenuhi syarat-syarat ketat yang telah ditetapkan dalam Seksyen 18. Seksyen 18 (2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], *iqrar* boleh diterima sebagai pembuktian sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jika *iqrar* itu dibuat dalam Mahkamah, maka hendaklah ia dilaksanakan di hadapan Hakim.

Jika *iqrar* itu dibuat di luar Mahkamah, maka hendaklah ia dilakukan di hadapan dua orang saksi lelaki yang 'aqil, baligh dan adil. Namun persoalan timbul, mengapakah *iqrar* tidak dimasukkan dalam seksyen 56 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] sebagai kaedah pengesahan dokumen. Sebaliknya hanya kesaksian, khidmat pakar dan sumpah dimasukkan dalam peruntukan ini.

Kesaksian atau *al-Syahadah* juga merupakan salah satu kaedah pengesahan yang kukuh dalam menentukan keaslian sesuatu *E-Kitabah* sekiranya ia memenuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan syarak. Kesaksian merupakan “*Pemberitahuan tentang sesuatu hak atau kepentingan bagi orang lain dengan menggunakan lafaz Asyhadu yang bermaksud ‘Aku bersaksi’*” (Abd. Razak Hamdan, 2007). Definisi ini amat bertepatan dengan Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] yang memperuntukkan: “*apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz "asyhadu" untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan*”. Barangkali seseorang itu melihat seseorang itu merakam, menghantar atau mencatat sesuatu dokumen secara elektronik dan kesaksian itu boleh dijadikan bukti di Mahkamah.

Terdapat beberapa nas al-Quran dan Hadith yang menunjukkan pensyariatan al-syahadah, antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 283 iaitu:

Terjemahan: Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(Surah Al-Baqarah, 2:282)

Sabda Rasulullah SAW:

Terjemahan: Dari al-Asyh bin Qais, dia telah berkata, “telah berlaku perselisihan antara aku dan seorang lelaki mengenai pergi, kemudian kami membuat pengaduan kepada Rasulullah SAW, maka baginda bersabda bawalah bagi pihak kamu dua saksi atau sumpahnya”.

(Al-Bukhari, 1407h. 4: 202)

Kesaksian hanya akan diterima sekiranya telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan syarak. Seksyen 83 (1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997 [Akta 561] telah menetapkan seseorang saksi hendaklah Muslim, *'aqil*, *baligh*, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka. Adil di sini merujuk kepada menunaikan obligasi agama, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil. Di sini jelas menunjukkan, bukan Muslim, kanak-kanak, mereka yang terdapat tohmahan tidak kompeten untuk memberi al-syahadah namun kompeten untuk memberi bayyinah sepertimana dalam seksyen 83 (2-7) Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997 [Akta 561]. Dalam kes saksi bisu, keterangan mereka hanyalah bayyinah dan bukan al-syahadah. Saksi bisu boleh memberikan bayyinah dengan apa-apa isyarat atau cara yang difahami dan ia dibuat di Mahkamah terbuka sepertimana dalam Seksyen 84 (1-2) dalam peruntukan yang sama.

Dari segi nisab atau bilangan saksi untuk pengesahan atau membuktikan dokumen, maka ia dilihat dari segi kes-kes yang berkaitan. Namun pengesahan dokumen yang ia berkait rapat dengan urusan mal seperti hutang, wasiat dan seumpamanya. Menurut syarak, nisab saksi bagi kes-kes mal akan diterima pakai ialah sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang perempuan atau seorang saksi lelaki dan sumpah plantif. Namun dalam 56 (1-3) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] hanya menghususkan kepada dua orang saksi sahaja.

**Seksyen 56 (1)(2)(3).**

- (1) Jika orang yang menyempurnakan sesuatu dokumen menafikan tulisan pada atau tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi kepada dokumen itu.
- (2) Jika saksi-saksi kepada dokumen itu tidak dapat ditemui, tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu.

(3) Jika saksi-saksi kepada dokumen itu atau orang yang disebut dalam subseksyen (2) boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan itu, orang yang menyempurnakan dokumen itu adalah terikat dengan apa-apa tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen ini.

Jika saksi tidak dapat membuktikan kesahan sesuatu *E-Dokumen* itu, maka khidmat pakar boleh mengambil alih dalam menentukan kesahannya. “*Kepakaran*” atau *al-khibrah* merupakan kaedah pembuktian yang dilaksanakan secara ilmiah oleh seseorang yang berpengetahuan dan memiliki kepakaran atas permintaan hakim untuk mendapatkan pandangan mereka yang bertujuan membongkar hakikat sebenar sesuatu perkara yang dipertikai serta ia tidak mampu dilaksanakan oleh hakim secara bersendirian (Mutawalli, 2003) Manakala istilah “*pakar*” (*al-khabir*) ialah seseorang yang berpengetahuan mengenai rahsia yang tersirat bagi sesuatu perkara (al-Mubarakpuri, t.th). Al-Munawi (1356) menyatakan bahawa pakar (*al-khabir*) ialah seseorang yang mempunyai kepakaran tentang sesuatu perkara yang tersembunyi atau tersirat dan ia tidak mampu dikesan pada pandangan zahirnya.

Maka pendapat pakar merujuk kepada ialah pendapat yang telah dikemukakan oleh seseorang yang berkeahlian dalam bidang atau permasalahan tertentu (Bahansi, 1989). Khidmat pakar sebenarnya tidak hanya terhad kepada perkara-perkara berkaitan dengan mahkamah, bahkan skop pakar adalah luas sehingga melibatkan perubatan, pembinaan, kejuruteraan dan sebagainya. Hakim boleh meminta pendapat pakar sekiranya kes-kes yang dikendalikan itu di luar kepakarannya. Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], Seksyen 31 (1):

**Seksyen 31 (1).**

(1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah. 33 (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

Dari segi bilangan pula, Hanafi, Syafie dan Hanbali berpendapat sekiranya hakim memerlukan khidmat kepakaran, maka hendaklah sekurang-kurangnya dua orang pakar. Manakala Maliki, mereka berpendapat disunatkan bilangan pakar lebih daripada seorang, namun seorang pakar sudah memadai (al-Zayla'i, 2000; al-Sharbiniy, 1994; Ibn Qudamah, 1994 & al-Dusuqi, t.th.). Namun dalam Seksyen 56 (4-5) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], menetapkan bilangan pakar bagi mengesahkan keaslian dokumen termasuklah *E-Kitabah* sekurang-kurangnya dua orang:

**Seksyen 56 (4)(5).**

(4) Jika saksi-saksi kepada dokumen itu atau orang yang disebut dalam subseksyen (2) tidak mengenal pasti tulisan dan tandatangan pada dokumen itu sepenuhnya, maka tulisan dan tandatangan pada dokumen itu hendaklah disahkan oleh sekurang- kurangnya dua orang pakar.

(5) Jika tulisan dan tandatangan pada dokumen itu telah disahkan oleh pakar-pakar, maka orang yang telah menyempurnakan dokumen itu adalah terikat dengan apa-apa tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu.

Jika pakar juga tidak dapat membantu mahkamah dalam membuat pengesahan pembuktian dokumen, maka kaedah terakhir untuk membuat pengesah pembuktian dokumen adalah melalui sumpah. Sumpah yang dimaksudkan di sini adalah sumpah dalam mahkamah atau sumpah kehakiman ‘*al-yamin al-qadhaiyyah*’. Al-Zuhaily (1994) menyatakan sumpah kehakiman ialah pengukuhan terhadap pensabitan atau penafian sesuatu hak dengan bersaksikan Allah SWT di hadapan hakim. Dalam definisi ini pihak-pihak yang bersumpah akan menjadikan Allah SWT sebagai saksi terhadap kebenaran yang telah dilafazkan olehnya. Ini kerana hanya Allah SWT Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan nyata di sebalik sumpah yang dibuat. Di sini jelas menunjukkan perbezaan antara pembuktian melalui sumpah kehakiman dan kesaksian. Sekiranya pembuktian melalui kesaksian yang menjadikan manusia saksinya.

Maka sumpah kehakiman meletakkan Allah SWT sebagai saksi. Pensyariatan sumpah kehakiman secara khusus ini berdasarkan Hadith yang bermaksud:

Terjemahan: Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya.

(Muslim, 1992)

Sumbah juga terdapat Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] sebagaimana dalam Seksyen 72, 87, 88 dan 129:

**Seksyen 72.**

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda'i*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a alaih*).

**Seksyen 87 (1)(2)(3).**

(1) Dalam kes mal, keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan defendant, dan jika defendant menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut Hukum Syarak.

(2) (a) Jika defendant mengangkat sumpah di bawah subseksyen (1), tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak.

(b) Jika defendant enggan mengangkat sumpah, maka Mahkamah bolehlah meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutannya hendaklah diterima.

(3) Dalam kes jenayah, keterangan hendaklah diberikan bagi pendakwa dan bagi tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah

**Seksyen 88.**

(Saksi tunggal dan sumpah plaintif) Jika dalam kes mal, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah plaintif itu.

Dalam kes pembuktian, sumpah boleh juga digunakan dalam penentuan status keasliannya *E-Kitabah*. Namun sumpah hanya dilaksanakan setelah *iqrar*, kesaksian dan pendapat pakar sepertimana dalam seksyen-seksyen sebelumnya ini gagal merungkaikan permasalahan ini. Secara tertibnya orang yang menyempurnakan dokumen yang dipertikaikan itu diberikan ruang untuk terlebih dahulu bersumpah. Jika pihak yang menyempurnakan itu enggan (*nukul an al-yamin*), barulah sumpah tersebut dipulangkan (*yamin al-Mardudah*) kepada pihak yang mendakwa sepertimana Seksyen 56 (6) dalam akta yang sama:

Jika sesuatu dokumen tidak boleh dibuktikan dengan mana-mana cara yang disebut terdahulu, orang yang menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah, apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu, mengangkat sumpah, dan jika dia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutnya membuktikan tuntutannya.

**Isu, Cabaran dan Cadangan Penambahbaikan terhadap Penerimaan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia**

Secara umumnya, penerimaan *E-Kitabah* sebagai keterangan di Mahkamah Syariah Malaysia telah menjadi salah satu isu penting seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin meningkat. Walaupun teknologi maklumat telah mengubah cara pengeluaran, pemprosesan, pertukaran, dan penyimpanan maklumat, definisi dan kedudukan *E-Kitabah* dalam undang-undang keterangan Islam dilihat masih belum sepenuhnya. Kekeliruan mengenai penggunaannya dalam prosiding mahkamah

Syariah sering kali timbul, menyebabkan pengamal undang-undang Syariah berhadapan dengan ketidakpastian dalam menerima *E-Kitabah* sebagai bukti sah.

Salah satu isu utama dalam penerimaan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah adalah ketiadaan peruntukan khas di bawah undang-undang Keterangan Islam (Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] adalah dirujuk) yang mengiktiraf penggunaan *E-Kitabah* sebagai keterangan. Situasi ini cukup berbeza dengan Mahkamah Sivil yang telah menerima *E-Kitabah* sebagai kaedah pembuktian seawal tahun 1950-an. Selain itu, kekurangan pendedahan pengamal undang-undang Syariah kepada kes-kes yang melibatkan *E-Kitabah* juga menjadikan penerimaan keterangan jenis ini agak asing dalam amalan harian mereka.

Oleh itu, bagi meningkatkan penerimaan dan penggunaan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia, penyelidik telah mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan. Antaranya ialah meneliti semula peruntukan berkaitan penerimaan *E-Kitabah* sebagai keterangan di bawah undang-Undang Keterangan Islam. Selain itu, perlu diadakan latihan dan kursus bagi pengamal undang-undang Syariah untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai bukti secara elektronik. Latihan ini boleh merangkumi aspek-aspek teknikal dan undang-undang mengenai pengendalian dan pengesahan dokumen digital. Peningkatan infrastruktur teknologi di mahkamah juga penting untuk menyokong pengendalian bukti secara elektronik, termasuklah penyediaan peralatan dan sistem yang mampu menangani *E-Kitabah* dengan lebih efektif.

Kesimpulannya, penerimaan *E-Kitabah* di Mahkamah Syariah Malaysia adalah sangat penting bagi memastikan sistem kehakiman seiring dengan perkembangan teknologi. Meskipun terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu diatasi, langkah-langkah penambahbaikan yang tepat dapat meningkatkan penggunaan dokumen digital sebagai bukti sah. Ini bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan sistem kehakiman tetapi juga memastikan keadilan dapat ditegakkan dengan lebih baik menggunakan bukti yang relevan dan sahih. Usaha penambahbaikan ini akan membawa kepada sistem kehakiman yang lebih moden dan berkesan dalam menghadapi cabaran teknologi masa kini.

Dengan pelaksanaan cadangan-cadangan ini, Mahkamah Syariah Malaysia akan dapat menerima *E-Kitabah* sebagai bukti dengan lebih mudah dan berkesan. Ini akan memudahkan proses kehakiman, menjimatkan masa, dan mengurangkan kebergantungan kepada dokumen fizikal. Penerimaan *E-Kitabah* juga akan meningkatkan ketelusan dan ketepatan dalam prosiding mahkamah, memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat adalah berdasarkan bukti yang sah dan boleh dipercayai. Oleh itu, langkah-langkah penambahbaikan yang dicadangkan perlu diambil serius oleh pihak berwajib untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan dengan lebih efisien dan efektif di Mahkamah Syariah Malaysia.

## **Kesimpulan**

Walaupun para *ulama'* berselisih pandangan mengenai penerimaan kitabah atau *E-Kitabah*, ini tidaklah bermakna dokumen dilihat kaedah pembuktian yang lemah. Pihak yang menyokong penerimaan *E-Kitabah* telah mengemukakan dalil-dalil yang meyakinkan untuk menyokong dakwaan mereka sama ada dari nas-nas Al-Quran, hadis dan kaedah fiqh. Jika dilihat pada zaman terdahulu, al-kitabah dilihat sangat jarang dipraktikkan disebabkan *iqrar*, kesaksian dan sumpah telah mendominasi sebagai kaedah pembuktian terpenting pada ketika itu. *Al-kitabah* hanya dipraktikkan dalam ruang lingkup yang sangat sempit seperti untuk tujuan hutang atau wasiat. Namun begitu, dunia sudah berubah dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat sekali. Kertas dan pen bukan lagi menjadi watak utama dalam pendokumentasian, sebaliknya peralatan elektronik atau *E-Kitabah* seperti komputer, CCTV, internet, e-mail dan seumpamanya telah mengambil tempat dalam semua urusan. Perkembangan teknologi terkini turut memberi kesan yang signifikan kepada sistem perundangan Islam termasuklah Mahkamah Syariah. Penerimaan *E-Kitabah* untuk dijadikan salah kaedah pembuktian perlu diberikan ruang dan perhatian yang serius.

Tidak dinafikan juga, dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan enakmen-enakmen keterangan negeri-negeri telah terdapatnya peruntukan berkaitan dokumen (*kitabah*) dan ia juga meliputi *E-Kitabah*. Namun aspek kefahaman dan amalan perlu diberikan penekanan yang lebih serius. Mahkamah Syariah tidak sepatahnya begitu yakin dengan kemampuan sedia ada, sebaliknya Mahkamah Syariah perlu sentiasa mempunyai keinginan yang tinggi dalam meningkatkan

pengetahuan dan kepakaran berkaitan dengan keterangan dalam bentuk elektronik khususnya berkaitan dengan kaedah penerimaan dan pengesahan mana-mana *E-Kitabah* supaya ia dapat diterima oleh Mahkamah sebagai kaedah pembuktian yang kukuh. Kepakaran ini akan menjadikan Mahkamah Syariah sentiasa dilihat berjalan seiring dengan perkembangan teknologi yang begitu pantas dan secara tidak langsung akan lebih dihormati oleh semua pihak seperti mana yang berlaku pada Mahkamah Sivil di Malaysia.

Secara keseluruhannya, penerimaan dan penggunaan *E-Kitabah* sebagai bukti di Mahkamah Syariah Malaysia akan membawa banyak manfaat dalam memastikan sistem kehakiman seiring dengan perkembangan teknologi, meningkatkan ketelusan dan ketepatan dalam prosiding Mahkamah, serta menjimatkan masa dan kos. Oleh itu, langkah-langkah penambahbaikan yang dicadangkan perlu dilaksanakan dengan segera untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan dengan lebih efisien dan efektif di Mahkamah Syariah Malaysia. Usaha ini akan memastikan sistem kehakiman yang lebih moden, responsif, dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran teknologi masa kini.

## Rujukan

- Al-Qur'an.
- Abd al-Mutalib, A. R. H. (2007). *Al-Da'wa wa Ithbatihā fi al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*. Al-Iskandariyyah: Dar al-Fikr al-Jami'.
- Ahmad, M. N. (2001). Konsep kehakiman dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 14, 87-96.
- Al-Bahutiyy, M. Y. (2000). *Kasyaf al-Qina'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Dhimyati, A. B. (1993). *Hasyiah I'anah al-Talibiin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dusuqi, M. A. (n.d.). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Farahaidiy, A. A. K. (n.d.). *Kitab al-'Ain*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Alias, M. A. A. (2022). *The falsification of documents in marriage cases under the civil and Syariah courts in Malaysia: An appraisal analysis*. (Disertasi Sarjana). Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Alias, M. A. A. (2024). Sains forensik dan pengaplikasiannya dalam keterangan dokumentar di Mahkamah Syariah Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(1), 107-120.
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Abdul Mutalib, L. (2021). Legal analysis of Syariah court evidence law on digital document as evidence and its admissibility in court proceedings. *Journal of Management and Muamalah*, 11(2), 54 - 64.
- Al-Jurjani, A. H. A. M. (2000). *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarakpuri, A. R. A. R. (n.d.). *Tuhfah al-Ahwaziyy bi Syarh Jami al-Tarmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Munawi, A. R. T. (1356H). *Faidh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Soghir*. Al-Qaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Nasyar, M. F. (2000). *Ahkam wa Qawa'id Ib'u al-Ithbat: fi al-Fiqh wa Qanun al-Ithbat Tabaqan li Ahdathi Ahkam Mahkamah Naqd*. Qaherah: Dar al-Jami'ah al-Jadidah al-Iskandariyyah.
- Al-Qurrafiy, A. A. A. I. (2001). *Al-Zakhirah fi Furu' al-Malikiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarqa', M. A. (2007). *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dar al-Qalam: Dimasyq.
- al-Zayla'i, A. B. H. A. A. al-N. (2000). *Tabyiin al-Haqiqah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhailiy, M. M. (1994). *Wasa'il al-Ithbat fi al-Syariah al-Islamiyyah wa al-Mu'amalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyah* (2nd ed.). Riyad: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Bahansi, A. F. (1989). *Nazariyyah al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jina'iyy al-Islamiyyah*. Qaherah: Dar al-Syuruq.
- Ibn Abidin. (1995). *Hasyiah radd al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtarn Syarh Tanwir al-Absar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qayyim, S. A. M. (1991). *A'lām al-Muaqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim, S. A. M. (2007). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Makkah: Dar 'Am al-Fawa'id.
- Ibn Qudamah. (1994). *Al-Mughni*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Jal Zabidi. (2008). *Pengenalan undang-undang keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Kamal, M. (1993). *Tazwir al-khutut turuq irtikabiha wa wasa'il kayfihī*. Al-Qaherah: Dar al-Nahdhah.
- Mutawalli, M. A. (2003). *Damanat fi al-Qada' al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ordway, R. N. (2000). *Forensic handwriting identification*. New York: Academic Press.

- Osborn, A. (1943). *Question documents* (2nd ed.). New York: Boyd Printing Company.
- Othman, M. S. A. (2003). *Undang-undang keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saifuddin, S., Markom, R., & Muhamad, M. M. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1-34.
- Syarbiniy. (1994). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Wan Ismail, W. A. F. (2020). *Keterangan dokumentar menurut fiqh dan undang-undang keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Hashim, H., Baharuddin, A. S., Mohammed Hasan, B. M., & Alias, M. A. A. (2023). Penerimaan dan pengesahan E-Kitabah dalam keterangan menurut perundangan Islam di Malaysia. *CFORSJ Procedia*, 1, v-xv.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukor, S., Hashim, H., & Baharuddin, A. S. (2018). Pembuktian melalui televisyen/ kamera litar tertutup (CCTV) dalam kes-kes jenayah: Tinjauan umum berdasarkan undang-undang keterangan Islam: Evidence obtained through CCTV in criminal cases: An overview from an Islamic legal perspective on the law of evidence. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(1), 87-103. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol6no1.101>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., & Alias, M. A. A. (2021a). An Appraisal of Digital Documents as Evidence in Islamic Law. (2021). *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 10(3), 198. <https://doi.org/10.36941/ajis-2021-0076>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., & Alias, M. A. A. (2020). The admissibility of digital document according to Syariah law: A preliminary analysis. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 471-480.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., & Alias, M. A. A. (2021b). A systematic analysis on the admissibility of digital documents as evidence in Malaysian Syariah courts. *Pertanika Journal of Science & Technology*, 29(3), 1981-1996.
- Yunus, M. I. (2006). Kedudukan bahan bukti (exhibit) elektronik dan digital dalam keterangan: Masalah dan cabaran masa kini. *INSAF*, XXXV(1), 12.
- Zulkefly, A. Q., Md Noor, R., & Daud, M. Z. (2021). Pembuktian zina bi al-jabr menurut hukum syarak dan perundangan semasa: Ulasan kajian lepas. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 201-214.